

Oleh Nor 'Asyikin
Mat Hayin
asyikin.mat@
hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Setiap hari saya mengeluarkan masa selama 20 minit untuk membaca akhbar termasuk Harian Metro. "Jika tidak berkesempatan melakukannya di pejabat, saya akan membawa akhbar pulang untuk membacanya di rumah," demikian kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata demikian dalam kunjungan hormat Harian Metro (HM) ke pejabatnya di Suruhanjaya Syarikat Malaysia di sini, semalam.

Kunjungan selama dua jam itu dihadiri Pengarang

“Saya turut guna portal berita atas talian dapatkan lebih banyak maklumat
Saifuddin



'Rujukan berita utama'

Setiap hari saya luang masa 20 minit baca akhbar: Saifuddin

SAIFUDDIN (tiga dari kiri) beramah mesra bersama Husain (dua dari kiri), Ahmad Sharul (tiga dari kanan), Muhammad Safar Ahmad (dua dari kanan), Noor Azam (kanan) dan Nazarali (kiri) di Pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia, KL Sentral, semalam.

Kumpulan Harian Metro Husain Jahit, Pengarang Berita Kanan HM Muhamad Safar Ahmad dan Ahmad

Shahrul Nizam serta Pen- garang Berita Noor Azam Aziz dan Nazarali Saeril.

Saifuddin berkata, beliau

masih memilih akhbar sebagai rujukan bahan berita utama termasuk di pejabatnya.

"Di pejabat saya ada pelbagai jenis akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris. Kaki-tangan turut membaca akh-

bar ini.

"Saya juga turut menggunakan portal berita atas talian bagi mendapatkan lebih banyak maklumat," katanya.

Sementara itu, Husain berkata, kunjungan hormat itu bertujuan untuk menjalinkan hubungan baik di antara kerajaan, menteri dengan media.

"Sebelum ini kami sudah mengadakan kunjungan hormat bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin dan Menteri Sumber Manusia M Ku-lasegaran.

"Harian Metro terkenal sebagai akhbar yang memparkan kisah kemasyarakatan turut melaporkan berita mengenai kerajaan, polisi kerajaan dan pengguna," katanya.

Katanya, wartawan Harian Metro turut membuat liputan di semua kawasan konflik antaranya Gaza, Syria, Lubnan bagi melaporkan kisah sebenar supaya dapat dirasai pembaca.

Ia bertepatan dengan slogan akhbar ini, 'Rasai berita sebenar'.